

20 SEP 2002

Belanjawan-Pertanian

PERTANIAN JADI JENTERA KETIGA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Sektor pertanian akan menjadi jentera ketiga pertumbuhan ekonomi negara, selepas sektor pekilangan dan teknologi maklumat dan komunikasi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan terus berusaha meningkatkan pelaburan dalam aktiviti pertanian berskala besar dan komersial dengan menggalakkan penyatuan pengurusan kebun kecil dan terbiar.

"Syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dengan aktiviti penyatuan pengurusan kebun kecil atau tanah terbiar diberi potongan cukai bersamaan jumlah pelaburan dibuat," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata perbelanjaan modal oleh syarikat perladangan bukan getah untuk menyediakan kawasan, menanam dan menyelenggarakan tanaman kayu getah dihapus kira dalam tempoh satu tahun.

"Galakan ini diberi dengan syarat syarikat menanam sekurang-kurangnya 10 peratus daripada ladangnya dengan pokok kayu getah," katanya.

Pada masa ini syarikat yang melabur dalam syarikat pengeluaran bahan makanan diberi potongan cukai manakala syarikat mengusahakannya diberi pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun.

Dr Mahathir berkata oleh kerana aktiviti perikanan laut dalam mempunyai potensi untuk meningkatkan pengeluaran makanan, beliau mencadangkan aktiviti itu diberi galakan yang sama.

Beliau juga mencadangkan syarikat milik tempatan yang membuat pelaburan semula diberi sekali lagi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus selama lima tahun atau elaun cukai pelaburan sebanyak 60 peratus selama lima tahun.

Perdana Menteri berkata syarikat subsidiari turut diberi pengecualian cukai perkhidmatan bagi menjalankan aktiviti penyatuan pengurusan kebun kecil dan tanah terbiar itu.

Bagi memodenkan sektor pertanian dan lebih mesra alam, pengusaha ternakan ayam dan itik yang menukar cara ternakan daripada sistem reban terbuka kepada tertutup akan diberi galakan elaun pelaburan semula selama 15 tahun.

-- BERNAMA

AT MFJ MAI